

Garis Panduan Pelaksanaan E-Pembelajaran

Menggantikan Mod Bersemuka (Face-to-Face)



Tarikh Dokumen:
16 Mac 2020

Versi 1.0



PELAKSANAAN

Pelajar perlu diberikan **PENERANGAN** mengenai kaedah penyampaian dan hasil pembelajaran yang mesti dicapai.



Setiap sesi pembelajaran & pengajaran hendaklah **DIREKODKAN** bagi tujuan penilaian dan pentaksiran.



Semua AKTIVITI pembelajaran perlulah mempunyai **KOMUNIKASI DUA HALA** di antara pelajar dan pensyarah.



KEHADIRAN perlu direkodkan dengan fungsi keahlian masa-nyata aktiviti seperti forum, perbincangan, ruang chat, kuiz dan sebagainya.



PENGLIBATAN pelajar turut boleh mengambil kira fungsi di luar masa-nyata seperti penghantaran hasil kerja, aktiviti kajian luar, rekod kajian dan sebagainya.



Pihak **FAKULTI/PUSAT AKADEMIK** mestilah memantau pelaksanaan yang berlaku bagi memastikan perjalanan proses pembelajaran dan pengajaran tidak terganggu.



Pelaksanaan Mod e-Pembelajaran ini adalah **BERPANDUKAN** kepada **Garis Panduan Pembelajaran Teradun Gantian (PTG)** yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi.



Pelaksanaan Mod e-Pembelajaran secara atas talian boleh dilaksanakan menerusi DUA (2) kaedah iaitu:

A

SECARA LANGSUNG (LIVE)

Menggunakan bahan pengajaran yang disampaikan secara **interaktif** dan **masa-nyata**

B

RAKAMAN / PENERBITAN AWAL

Bahan pengajaran dibangunkan **lebih awal** dan interaksi pembelajaran tidak secara masa-nyata

SISTEM APLIKASI YANG BOLEH DIGUNAKAN



E - CLASSROOM

- Flipgrid
- NearPod

VIDEO CREATION

- Screen-cast-o-matic
- Powerpoint Recording



VIDEO SHARING

- Youtube
- Vimeo



DATA ANALYSIS

- Google Form
- Surveymonkey

GOALS & USIMMOOC

- Forum
- Glossary
- Feedback
- Quiz
- Assignment



INTERACTIVE

- Playposit
- H5P



COLLABORATION

- Padlet
- Blendspace
- Thinglink



PRESENTATION

- Emaze
- Prezi
- Powtoon



ASSESSMENT

- Kahoot
- Quizlet
- Quizizz



VIDEO CONFERENCE

- Skype for Business
- Zoom



PELAJAR

1. Daftar Subjek / Kursus

Pelajar hendaklah memastikan kesemua subjek telah didaftarkan (enroll) melalui sistem GOALS USIM.

2. Jadual Pengajian

Pelajar hendaklah memeriksa jadual pengajian serta mendapatkan makluman akan kaedah pelaksanaan mod e-Pembelajaran sebelum ianya dilaksanakan.

3. Membuat Persediaan

Pelajar hendaklah merancang pembelajaran sendiri dengan membuat persediaan awal dari segi keperluan peralatan, capaian serta lokasi yang kondusif semasa sesi pengajian dijalankan.

4. Penilaian & Pentaksiran

Pelajar hendaklah memberikan komitmen pengajian dengan mengambil maklum akan penilaian dan pentaksiran yang dijalankan berdasarkan prestasi serta hasil pembelajaran yang diperolehi.

5. Bantuan Teknikal

Pelajar hendaklah sentiasa memastikan keupayaan melaksana e-Pembelajaran di tahap terbaik dan jika sebaliknya maka pelajar boleh mendapatkan khidmat nasihat serta bantuan dari pihak SDEC.

PENSYARAH

1. Semakan Kursus & Bahan Pembelajaran

Pensyarah hendaklah membuat semakan kursus dengan melihat semula penjadualan, bahan pembelajaran, aktiviti serta tugas yang direncana serta mengambil kira SLT dan penetapan keutamaan yang diperlukan bagi tujuan penilaian dan pentaksiran pembelajaran.

2. Makluman Pengajian & Hasil Pembelajaran

Pensyarah hendaklah memaklumkan kaedah pelaksanaan pengajian kepada para pelajar dan memastikan kesemua pelajar yang berkenaan telah mendaftar subjek di dalam GOALS USIM. Pelajar perlu dijelaskan berhubung hasil pembelajaran yang perlu dicapai serta kepentingan melaksanakan aktiviti atau tugas yang diberikan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

3. Pembangunan Bahan

Pensyarah disarankan meneroka pelbagai fungsi pembelajaran yang tersedia di dalam platform GOALS USIM serta mempelbagaikan kaedah penyampaian dan penilaian kepada para pelajar disamping dapat menaikkan impak keberkesanan pembelajaran dengan persekitaran maya.

4. Bantuan Kepakaran

Pensyarah boleh mendapatkan khidmat bantuan dan sokongan latihan atau teknikal dari pihak SDEC.

PENGURUSAN (TEKNIKAL)

1. Penyediaan Platform

Pentadbir perlu memastikan sistem e-Pembelajaran sentiasa berada dalam keadaan optimum dan mampu menyokong sepenuhnya sesi pembelajaran dan pengajaran secara dalam talian.

2. Penyelenggaraan & Pengemaskinian

Pentadbir perlu memastikan sistem pengoperasian dan pangkalan data bagi platform e-Pembelajaran diselenggara dan membuat pengemaskinian mengikut ketetapan dan keperluan.

3. Rangkaian & Komunikasi

Pentadbir perlu memastikan kemudahan rangkaian (network) serta prasarana lain yang menyokong kepada kelangsungan pelaksanaan e-Pembelajaran sentiasa dalam keadaan bersedia dan ditambah baik dari semasa ke semasa mengikut keperluan pengguna (pentadbir, pensyarah dan pelajar)

4. Khidmat Sokongan

Pentadbir perlu menyediakan khidmat sokongan dan bantuan kepakaran kepada para pelajar serta pensyarah yang memerlukan sama ada dari segi penggunaan teknologi dan aplikasi, mahupun sebarang keperluan sokongan teknikal berhubung e-Pembelajaran yang dilaksanakan.

Pusat Pembangunan Sistem & Kejuruteraan (SDEC)

1. Bahagian Infrastruktur ICT – Unit Rangkaian & Komunikasi

- Menyediakan infrastruktur ICT – Rangkaian (network) bagi menyokong capaian dan akses ke sistem e-Pembelajaran GOALS USIM.
- Memastikan keselamatan ICT pada tahap optimum dan terhindar dari ancaman siber.
- Menyelenggara, mengemaskini dan memantau pangkalan data serta prestasi pengoperasian sistem e-Pembelajaran GOALS USIM.

2. Bahagian Multimedia & Teknologi Pengajaran

- Melaksanakan sesi latihan GOALS kepada staf akademik secara berkala di setiap fakulti.
- Memberi khidmat bantuan secara dalam talian; System helpdesk & talian terus teknikal.
- Menyediakan kemudahan pinjaman peralatan ICT: rakaman & suntingan audio visual.
- Melaksanakan perkongsian teknologi: USIM e-Learning LIVE, bengkel dan sebagainya.
- Menyediakan perisian e-Pembelajaran serta latihan penggunaan kepada pensyarah.

Disediakan oleh:

**System Development and Engineering Centre (SDEC)
&
Pejabat Ketua Pegawai Maklumat (CIO)
Universiti Sains Islam Malaysia**

Garis Panduan Pelaksanaan E-Pembelajaran
Menggantikan Mod Bersemuka (Face-to-Face)

